

SEMINAR HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM
(Anjuran Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP))

14 Februari 2005

TAK-DISKRIMINASI ATAS ALASAN GENDER
(Non-discrimination on ground of sex)

oleh

Dato' Abdul Hamid Bin Haji Mohamad
(Hakim Mahkamah Persekutuan, Malaysia)

Pertama sekali saya ingin menegaskan bahawa saya bukan ulamak dan bukan pakar Syariah. Maka saya tidak layak untuk mengatakan “mengikut Islam” begitu dan “mengikut Islam” begini. Maka apa yang saya boleh katakan ialah mengikut fahaman saya begitu dan begini. Malah, saya juga berpendapat bahawa apa juga yang dikatakan oleh seseorang itu, walaupun dia seorang ulamak, adalah pendapatnya. Hanya Rasul Allah (s.a.w.) yang layak dan berhak berkata secara muktamad “mengikut Islam” begitu dan begini. Imam-Imam besar kita pun cuma memberi pendapat masing-masing, walaupun pendapat-pendapat itu disifatkan sebagai fatwa. Sebab ianya pendapatlah maka terdapatnya berlainan pendapat dalam banyak perkara, maka adanya mazhab, malah anak murid menubuhkan mazhab yang berlainan daripada gurunya dan anak murid yang mengikut mazhab gurunya pun memberi pendapat yang berlainan daripada pendapat gurunya dalam perkara-perkara tertentu. Jika semuanya sudah tetap, semestinya semua itu tidak akan berlaku, malah perbincangan ini pun tidak perlu lagi.

Kedua, konsep “hak asasi manusia” dan konsep “diskriminasi” yang dipakai hari ini secara global adalah konsep Barat yang berasaskan “demokrasi liberal” dan mementingkan individu. Pemerintah dilihat sebagai musuh individu. Individu menuntut haknya tanpa mengingati tanggungjawabnya. Hak individu dijadikan lebih penting daripada hak masyarakat. Apa yang dikehendaki atau disukai oleh majoriti menjadi sah atau “halal”. Tidak ada sekatan atau sempadan yang tetap. Misalnya, kalau kebanyakan orang mahu hubungan malah perkahwinan sejenis disahkan, maka ia disahkan.

Konsep seperti itu semestinya tidak sesuai dipakai sebagai ukuran untuk menilai sama ada terdapat diskriminasi atau tidak dalam Islam. Ini kerana, Islam sebagai satu agama wahyu, atau cara hidup tersendiri, ada garis-garis panduannya dan sempadannya: apa yang dibenarkan apa yang tidak. Mengikut fahaman saya, Islam mengiktiraf hak-hak individu, masyarakat dan negara dalam lingkungan yang ditetapkan oleh Syariah. Dibalikinya, individu, masyarakat dan negara

juga, masing-masing, mempunyai tanggungjawab terhadap yang lainnya. Maka hak semestinya senentiasa dibaca bersama-sama dengan tanggungjawab. Dan semuanya mesti berada dalam sempadan Syariah. Demikian juga dengan hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita.

Jika kita terima Islam sebagai agama atau cara hidup, maka kita mestilah menerima hak dan tanggungjawab dalam sempadan yang ditetapkan oleh Syariah. Kita tidak boleh berkata, oleh sebab nampaknya hak wanita dalam masyarakat Islam dalam sesuatu hal kurang daripada hak mereka dalam masyarakat Barat, maka terdapat diskriminasi dalam Islam. Itu bukan ukuran yang betul untuk dipakai. Kita perlu lihat ke dalam Islam itu sendiri sama ada terdapat perbezaan hak (yang mesti dibaca dengan tanggungjawab) antara lelaki dengan perempuan atau tidak dan, jika pada zahirnya ada, apa rasionalnya.

Dalam melihat ke dalam Islam itu pula, kita perlu membezakan antara ajaran Islam dengan amalan orang-orang yang menganut agama Islam. Dalam kata-kata lain, kita perlu membezakan antara Islam dengan Arab atau Afghanistan, Syariah dengan adat, malah Sunnah dengan kebiasaan atau fesyen. Kegagalan membezakan perkara-perkara tersebutlah yang menyebabkan orang-orang Islam, termasuk orang-orang Melayu, beranggapan bahawa apa sahaja yang dibuat oleh orang-orang Arab atau Afghanistan itu sebagai "Islamic", lagi ekstrim lagi "Islamic".

Penentuan hak-hak dan tanggungjawab dan sekatan-sekatan terhadap hak-hak wanita itu pula melibatkan tafsiran dan dapatan undang-undang (di mahkamah sivil kita panggil "finding of law") ulamak-ulamak zaman dahulu. Tidak dapat dinafikan bahawa ulamak-ulamak itu sendiri terpengaruh dengan keadaan di sekelilingnya. Sebab itulah Imam Malik lebih menekankan amalan orang-orang Madinah. Imam Abu Hanifah lebih banyak menggunakan fikiran. Imam Shafie pun, setelah tinggal selama beberapa tahun di Mesir, mengkaji semula beberapa pandangan yang pernah diberinya. Malah Khalifah Umar Ibn Khattab, dalam lingkungan masa hanya lebih kurang sepuluh tahun daripada wafatnya Rasul Allah (s.a.w.) mengubah beberapa amalan yang dibuat di zaman Rasul Allah (s.a.w.), malah termasuk hal ibadat, seperti sembahayang trawikh. Di zaman Rasul Allah (s.a.w.) sembahayang tarawikh dibuat secara bersendirian. Khalifah Umar Ibn Khattab (r.a.) menganjurkan ianya dilakukan secara berjemaah. Sekarang, di Malaysia, kita tambah pula dengan ceramah. (Jika fakta saya silap, saya harap ahli-ahli panel lain yang lebih mengetahui akan membetulkan saya). Terdapat misalan-misalan lain yang boleh diberi.

Kita berada 1400 tahun selepas itu, dalam keadaan yang amat berbeza. Dalam sesetengah perkara tidakkah patut kita melihat semula dapatan-dapatan undang-undang (fiqh), yang sendirinya tidak unifom itu? Saya tidak fikir masyarakat Islam 1400 dahulu atau di zaman Imam-Imam Besar kita boleh menerima seperti yang diterima umum hari ini, termasuk ulamak-ulamak kita, wanita Islam memakai

jeans, berkerja sepejabat malah sebilik dengan leleki yang bukan mahram, memandu kereta dan ke sana sini tanpa ditemani mahram.

Kesimpulannya, sesuatu dapatan undang-undang itu juga terpengaruh oleh keadaan sekeliling semasa. Ini termasuklah mengenai hak dan tanggungjawab lelaki dan wanita. Kedudukan wanita di Malaysia hari ini, misalnya, amat berbeza daripada kedudukan wanita dalam masyarakat Arab zaman dahulu, malah masyarakat Afghanistan sekarang. Dahulu, dalam masyarakat Arab, mereka bergantung kepada kaum lelaki dalam keluarganya yang bergantung pula kepada kabilahnya. Kebanyakan mereka tidak berpelajaran dan tidak mempunyai pekerjaan sendiri. Hari ini, dalam masyarakat Melayu, misalnya, tidak ada kabilah. Kerapkali anak-anak perempuanlah yang menanggung ibu bapa dan adik-adiknya dan isteri-isteri pulalah yang berpendapatan lebih banyak daripada si suami, malah menanggung keluarga, termasuk si suami. Lihatlah berapa peratus pelajar lelaki dan berapa peratus pelajar perempuan di univesiti-universti kita. Lihat sahaja berapa peratus pelajar lelaki dalam "Senarai Dekan" dan berapa peratus pelajar perempuan. Dalam keadaan itu, tidak patutkah kita lihat semula dapatan-dapatan undang-undang mengenai hak-hak mereka, misalnya dalam hal kesaksian, malah kelayakan memegang jawatan-jawatan utama dalam kerajaan atau perbadanan, termasuk menjadi ketua negara?

Mengenai kalayakan wanita menjadi ketua negara, misalnya, Khalifah zaman dahulu adalah ketua dalam semua hal, termasuk mengetuai peperangan. Semestinya, wanita tidak sesuai untuk mengetuai peperangan, apatah lagi dengan cara berperang zaman itu. Sistem pemerintahan dan pentadbiran amat berlainan hari ini.

Dalam bidang kesaksian misalnya, tidakkah boleh kita membuat pendekatan dari segi, pertama, undang-undang keterangan (evidence) bukanlah undang-undang substantif. Tujuan undang-undang keterangan ialah untuk membantu mahkamah mencari kebenaran dengan cara yang adil untuk membuat dapatan fakta yang betul. Sama ada keterangan yang dikemukakan berjaya membuktikan sesuatu fakta yang hendak dibuktikan atau tidak, sama ada ia datang dari saksi-saksi lelaki atau perempuan, adalah perkara lain. Itu tugas Hakim untuk memutuskannya.

Kedua, apabila Al-Quran mengatakan, maksudnya:

"....dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi...." (Tafsir Pimpinan Al-Rahman, surah A-Baqarah ayat 282)

tidakkah boleh ia dilihat sebagai khusus kepada urusan seperti yang disebut itu memandangkan kedudukan wanita pada masa itu. Dalam urusan lain atau memandangkan kepada kedudukan wanita di zaman ini, terutama sekali dalam bidang pelajaran, perlukah prinsip itu dipatuhi dengan ketat?

Dalam bidang pembahagian harta pesaka, saya terima kadar-kadar yang ditetapkan oleh Al-Quran. Tetapi, kita perlu juga lihat kedudukan wanita di zaman itu, seperti yang saya telah sebut tadi. Mereka bergantung kepada kaum lelaki untuk nafkah dan keselamatan. Hari ini, apabila berlaku kematian si-suami (malah perceraian), kerap kali si-isterilah yang menanggung dirinya dan anak-anaknya, bukan bapa si-suami atau saudara-maranya. Sebab itulah kita kerap mendengar ungkapan “ibu tunggal”. Saya tidak pernah mendengar ungkapan “bapa tunggal”, sebab bapa tidak kekal tunggal: dia berkahwin semula selepas perceraian atau kematian isterinya. Malah, kerap juga berlaku apabila mati sahaja si-suami, bapanya terus datang dan mengambil kereta yang didaftarkan atas nama anaknya walau pun sebahagian besar, jika tidak kesemua, ansuran pembelian kereta itu dibayar oleh si-isteri hingga si-isteri itu tidak dapat pergi kerja dan menghantar anak-anaknya ke sekolah. Lepas beberapa bulan si-isteri dan anak-anaknya di halau pula keluar dari rumah yang diduduki mereka, walau pun si-isteri itu juga ada menyumbang untuk pembeliannya dan untuk membeli perkakas rumah.

Jika kita tidak boleh mengubah undang-undang sebab ia telah ditetapkan oleh Syarak, tidakkah perlu kita pastikan bahawa kehendak Syariah bahawa waris-waris lelaki itu juga melaksanakan tanggungjawab mereka? Mereka tidak boleh hanya menuntut hak tanpa melaksanakan tanggungjawab mereka.

Saya tertarik dengan pendapat bahawa Syariah dibuat untuk manusia, bukan manusia untuk Syariah. Sebab itu hukum-hukum yang ditetapkan oleh Syariah pun ada memberi kelonggaran dalam keadaan tertentu. Misalnya pengaharaman memakan babi. Kelonggaran diberi dalam keadaan tertentu. Sembahayang fardu boleh dipendekkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam misalan pertama, Islam tidak mahu ummatnya mati kerana mematuhi Syariah. Ia lebih mementingkan nyawa ummatnya. Dalam misalan kedua, Islam tidak mahu menyusahkan ummatnya.

Setakat itu sahajalah yang saya hendak katakan terlebih dahulu. Sebab saya bukan seorang ulamak maka saya hanya mengemukakan soalan-soalan tanpa memberi jawapan. Mungkin ahli-ahli panel lain ingin memberi komen mereka atau, sekurang-kurangnya, ia akan membuat tuan-tuan dan puan-puan sekalian berfikir.

Sekian. Terima Kasih.

4.2.2005